

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KOTA BHARU, Jumaat— Calon bebas yang bertanding merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Salor Encik Mohamad Tahar Jaaladin bin Haji Hussein mengistiharkan dirinya memasuki UMNO mulai semalam.

Pengumuman itu dibuat di hadapan lebih 1,000 orang dalam satu perjumpaan di Sekolah Kebangsaan Seberang Pasir Mas, kira-kira 20km dari sini.

Hadir sama ialah Pengarah Gerakan Pilihanraya BN Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden BERJASA Datuk Haji Mohamad Nasir dan Calon BN kawasan Parlimen Nilam Puri Datuk Haji Mohamad Haji Ali.

Encik Tahar yang sebelum ini tidak pernah menjadi mana-mana ahli parti politik akan bertanding menentang calon PAS, bila kertas pencalonan, calon BN dari BERJASA, Encik Sopian Awang ditolak atas sebab-sebab teknik.

Encik Tahar menggunakan lambang payung sebagai simbol bebas dan akan memberi sokongan penuh oleh para penyokong dari UMNO dan BERJASA di kawasan tersebut bagi menjamin kemenangannya.

Bellau akan mewakili BN dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan sebagai wakil dari UMNO jika memenangi kerusi tersebut.

Mohd Tahar kini calon Barisan

Encik Tahar mengambil keputusan memasuki UMNO atas pertimbangan semasak-masaknya setelah calon BN bagi kerusi Negeri Salor di tolak kertas pencalonan pagi semalam.

Bellau terpaksa menggunakan lambang payung kerana simbol tersebut telah dicatat dalam kertas pencalonannya yang tidak boleh diubah lagi.

Encik Tahar berkata, bellau mengambil keputusan memasuki UMNO itu adalah atas keyakinan dan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan Tengku Razaleigh.

Bellau mensifatkan pertandingan merebut kerusi Negeri Salor itu sebagai mewakili BN, walaupun di atas nama calon Bebas.

"Jadi saya berharap kepada penyokong BN memberi sokongan penuh kepada calon bebas yang menggu-

nakan payung sebagai simbolnya," ujar bellau.

Tengku Razaleigh dalam ucapannya berkata, Encik Tahar akan diambil bukan sahaja sebagai anak angkat tetapi sebagai anak sendiri.

Menurutnya, penerimaan Encik Tahar menyertai UMNO setelah dirundingkan dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pemimpin BERJASA dan UMNO peringkat negeri Kelantan tentang bagaimana BN dapat memenuhi kehendak rakyat yang menyokong BN di kawasan Salor itu.

"Jawapan yang diambil kita terima Encik Tahar sebagai anak sendiri dengan menggunakan lambang payung untuk meyamung dacing dalam pertandingan merebut Salor ini," ujarnya.

Tengku Razaleigh

meminta seluruh tenaga UMNO dan BERJASA di kawasan tersebut berganding bahu memberi sokongan penuh kepada calon bebas itu bagi memastikan kemenangannya.

Katanya, kehilangan dua kerusi Negeri Selang dan Kemumin secara percuma kepada PAS itu adalah kesilapan yang tidak senjajakan atas sebab-sebab teknik dalam kertas penamaan calon.

Menurut bellau, kerusi Negeri Selang, Kemumin dan Salor itu pasti di menangi oleh BN sekiranya tidak berlaku kesilapan teknik itu.

Tengku Razaleigh menegaskan, BN bukan setakat untuk mencap kemenangan besar dalam pilihanraya ini, malah sebarang yang boleh akan cuba menghilangkan wang peredaran calon-calon pembangkang di Kelantan.